



No. Rujukan: KSM.100-2/1/8 JLD 2 (40)
Tarikh : 4 Oktober 2025

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Tuan/ Puan,

JEMPUTAN TAKLIMAT RANG UNDANG-UNDANG (RUU) PEKERJA GIG 2025 BERSAMA PENGAMAL MEDIA BEBAS

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) komited memperkukuh perlindungan pekerja gig melalui Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025 yang baru diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini. Undang-undang ini memperkenalkan peruntukan undang-undang yang lebih kukuh dan jelas merangkumi perlindungan sosial, keselamatan kerja, akses kepada skim caruman wajib, dan mekanisme penyelesaian pertikaian.

3. Dalam konteks ini, pengamal media bebas (media freelancer) seperti wartawan sambilan, jurugambar stringer, penulis kandungan dan penyumbang media digital merupakan sebahagian daripada ekosistem pekerja gig. Kehadiran tuan/puan dalam sesi taklimat ini penting kerana selain menyampaikan informasi rasmi kepada masyarakat, tuan/puan juga mempunyai kepentingan langsung sebagai golongan yang menerima manfaat dan mendapat perlindungan di bawah peruntukan undang-undang tersebut.

4. Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian dengan sukacitanya menjemput pihak Tuan/Puan untuk menghadiri taklimat berkenaan seperti berikut:

Tarikh : 16 Oktober 2025 (Khamis)
Masa : 10.00 pagi – 12.30 tengah hari
Tempat : Executive Forum Level 1, AICB Centre of Excellence, Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur

Tetamu Kehormat : YB Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia

5. Objektif utama taklimat ini adalah:

- Memberi penerangan menyeluruh mengenai peruntukan perundangan di bawah RUU Pekerja Gig 2025;
- Mengiktiraf peranan pengamal media sebagai penyampai maklumat dan sebagai sebahagian ekosistem pekerja gig;
- Memberi ruang kepada pengamal media untuk mengemukakan soalan dan maklum balas berkaitan pelaksanaan undang-undang baharu ini; dan
- Memperkukuh kefahaman masyarakat tentang hak pekerja gig termasuk dalam sektor media dan komunikasi.

6. Sehubungan itu, mohon kerjasama Tuan/Puan untuk membuat pengesahan kehadiran dibuat melalui pautan berikut: <https://forms.gle/7UxnR3pcYFiPnnJ1A> atau imbas kod QR. Bersama-sama ini disertakan juga **atur cara** program di **Lampiran A** untuk rujukan selanjutnya.

7. Sebarang urusan berkaitan dengan majlis tersebut tuan/puan boleh hubungi Pegawai UKK KESUMA **Puan Thinakaridevi a/p Shanmugam** di talian **012-9063585** dan **Encik Nik Muhammad Iqbal Bin Ahmad Mokhjamil** di talian **013-6342734**.

Kerjasama dan sokongan daripada pihak media amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pekerja Kesuma Bangsa”

Saya yang menjalankan amanah,



(NUR RISYAH BINTI MUSA)

Ketua Komunikasi Korporat

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Sumber Manusia

Tarikh: 4 Oktober 2025



KOD QR PENGESAHAN
KEHADIRAN

SENARAI EDARAN

- I. National Union of Journalists Malaysia (NUJ)
- II. Wartawan sambilan yang berdaftar dengan Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN)
- III. Persatuan Wartawan Bebas Selangor dan Kuala Lumpur (FREJA)
- IV. The Foreign Correspondents Club of Malaysia (FCCM)
- V. The National Press Club Malaysia
- VI. Media Harapan
- VII. Kesatuan Sekerja Kakitangan Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3)
- VIII. Kesatuan Eksekutif TV3
- IX. The Malaysian Sign Language Interpreters and Translators National Organisation (JUPEBIM)
- X. Pertubuhan Advokasi dan Kesejahteraan Pekak Malaysia (DAWN)
- XI. Persatuan Jurusolek Bumiputera Malaysia (MBMUAA)
- XII. Malaysian Film Makeup Artists Association

**ATUR CARA
SESI TAKLIMAT RANG UNDANG-UNDANG PEKERJA GIG 2025
BERSAMA PENGAMAL MEDIA BEBAS**

Tarikh : 16 Oktober 2025 (Khamis)
Tempat : Executive Forum Level 1, AICB Centre of Excellence, Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur
Masa : 9.00 pagi

MASA	ATUR CARA
9.00 pagi	Pendaftaran dan ketibaan jemputan
10.00 pagi	Ketibaan YB Menteri KESUMA
10.10 pagi	Ucapan aluan: Presiden NUJ
10.20 pagi	Taklimat RUU Pekerja Gig 2025: YB Encik Steven Sim Chee Keong Menteri Sumber Manusia
11.00 pagi	Sesi Dialog antara YBM dan pengamal media
11.30 pagi	Penutup sesi dialog dan sesi bergambar
12.00 tgh hari	Jamuan & Majlis bersurai